

01/05/2000

ASM dijangka habis dijual bulan ini

Azhar Abu Samah

KUALA TERENGGANU, Ahad - Amanah Saham Malaysia (ASM), saham amanah terbaru Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersaiz 2 bilion unit, yang dilancarkan jualannya sejak sembilan hari lalu, dijangka habis dilanggan dalam tempoh tidak sampai sebulan daripada tarikh dijual.

Jangkaan itu berdasarkan daripada sambutan baik pelabur unit berkenaan dari seluruh negara selepas pelancarannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur yang dijual sehingga RM1.1 bilion, selain di Pulau Pinang RM69 juta.

Selain itu, Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman sebelum ini berkata, purata pelaburan orang ramai dalam sehari dalam ASM kira-kira RM180 juta.

"Sehingga 28 April lalu, sejumlah 1.4 bilion unit ASM atau RM1.4 bilion unit ini sudah dibeli 201,000 pelabur di seluruh negara," katanya di sidang akhbar selepas majlis beramah mesra dengan wakil media massa, di sini, petang ini.

Di Terengganu saja, sejumlah 26.4 juta unit ASM sudah terjual yang membabitkan 4,539 pelabur.

Esok, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan jualan unit ASM peringkat negeri Terengganu di Sekolah Menengah Bandar, di sini, kira-kira jam 10 pagi.

ASM terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur enam bulan ke atas dan ia ditawarkan pada harga tetap iaitu RM1 seunit.

Seseorang pelabur boleh melabur sehingga maksimum 50,000 unit dengan pelaburan permulaan 100 unit. Pelaburan tambahan boleh dibuat dengan pelaburan minimum seunit.

ASM ialah saham amanah kedua PNB yang dibuka kepada semua kaum selepas Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) yang mempunyai dana sebanyak dua bilion unit.

Ketika ditanya sama ada PNB yakin ASM akan habis dilanggan dalam tempoh sebelum 'road-show' mengenai ASM ke seluruh negara berakhir, beliau enggan mengulasnya tetapi berkata, sambutan ke atas unit itu begitu menggalakkan.

"Saya tidak mahu mengiyakannya, cukup jika saya kata anda boleh menilai sendiri sambutan yang diberikan ke atas ASM," katanya sambil berkata, hanya tinggal 600 juta unit berkenaan untuk dibeli pelabur.

Mengenai menambah saiz dana itu, Hamad Kama berkata, jika unit berkenaan habis, PNB akan menilai langkah yang sesuai untuknya.

Beliau juga berkata, sehingga 28 April lalu, golongan pelajar menjadi pelabur utama unit berkenaan dengan menguasai 25 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan, diikuti suri rumah (14 peratus) dan golongan perkeranian (11 peratus).

"ASM adalah cara paling sesuai untuk pelabur memikirkan keperluan untuk anak mereka belajar di masa depan, terutama memenuhi keperluan pendidikan jangka panjang," katanya.

(END)